



Fail: (31) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarih: 10 Januari 2012

Ketua Pengarang,

Utusan Malaysia

Akhbar : **Utusan Malaysia**
Tarikh : **5 Januari 2012**
Subjek : **PPIM gesa kerajaan mansuh Akta 400**
Mukasurat : **22**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai telah membuat analisa terhadap isu yang dikemukakan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berpandangan, Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 atau Akta 400 masih relevan dengan keperluan hari ini. Pelbagai inisiatif telah diambil oleh KPKT, termasuk meminda beberapa peruntukan di bawah Akta ini untuk memperkemaskannya dan sekaligus membantu jentera penguatkuasaan. Pada masa ini, sekurang-kurangnya terdapat dua (2) agensi kerajaan didapati menggunakan akta ini, iaitu KPKT melalui Bahagian Pemberi Pinjam Wang & Pemegang Pajak Gadai (BPWG) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menyiasat dan mengambil tindakan terhadap pemberi pinjam wang tidak berlesen atau Ah Long.

Pada dasarnya, pengujudan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 atau lebih dikenali sebagai Akta 400 mempunyai beberapa matlamat yang utama, misalnya:-

- (a) mengumpul dan menyelaraskan aktiviti pemberi pinjam wang berlesen secara berpusat;

- (b) memberikan penampilan dan nafas baru kepada industri mikro kredit negara yang dahulunya didominasi oleh ceti;
- (c) menggalakan para peminjam dan pemberi pinjam mengujudkan satu urusniaga yang sihat dan boleh memberi manfaat kepada kedua-dua pihak;
- (d) matlamat akhirnya adalah untuk membanteras kegiatan Ah Long melalui peruntukkan undang-undang yang lebih efektif.

KPKT berpendapat, memansuhkan Akta 400 bukannya satu penyelesaian yang bijak pada masa ini. Pemansuhan Akta 400 sebaliknya akan menyebabkan aktiviti pinjaman wang tiada kawalan dan para pemberi pinjam atau Ah Long ini makin berleluasa tanpa sebarang batas undang-undang. Harus diingatkan bahawa aktiviti ini telah dijalankan sekian lama dan usaha untuk membanteras bukannya dapat dilaksanakan dalam sekelip mata. Di mana ada permintaan, di situ ada penawaran. Pernahkah kita berfikir kenapa ramai yang ingin menjalankan aktiviti pinjaman secara haram? Ini kerana terdapat banyak permintaan dari orang ramai untuk kemudahan pinjaman secara kecil-kecilan dan segera, dan aktiviti ini pasti menguntungkan walaupun berdepan risiko diambil tindakan oleh pihak berkuasa. Oleh yang demikian, dengan hanya wujudnya Akta 400 ini, maka semua individu atau syarikat yang ingin menjalankan perniagaan ini dilesenkan dan dipantau oleh pihak kementerian. Jika wujudnya sebarang permasalahan, sekurang-kurangnya pihak kementerian dapat menyemak dan tahu latarbelakang pemberi pinjam atau syarikat tersebut, dan tindakan dapat diambil dengan kadar segera.

Selain itu, sikap dan mentaliti masyarakat kita juga harus berubah. Hanya berbelanja mengikut kemampuan kita dan wujudkan sikap suka menabung untuk kegunaan masa kecemasan dan bila ada keperluan. Dalam kebanyakan aduan atau kes yang diterima atau disiasat oleh kementerian ini, hampir 90% pengadu atau mangsa yang melakukan pinjaman tidak mengambil tahu atau mengambil berat tentang perjanjian pinjaman atau isi kandungan perjanjian yang ditandatangani. Akhirnya mereka terjerat dengan tipu muslihat pemberi pinjam serta perjanjian yang telah ditandatangani. Dengan kata lain, adalah lebih baik jika tidak membudayakan

amalan suka meminjam dan cuba mengurus kewangan kita dengan bijaksana dan berhemat.

Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, kementerian dan juga PDRM telah berjaya membawa beberapa individu atau syarikat yang telah menjalankan aktiviti pinjaman wang secara salah ke muka pengadilan dan dikenakan tindakan atau hukuman berdasarkan kesalahan yang dilakukan. Pihak Kementerian juga telah merangka beberapa program yang bertujuan memberikan kesedaran kepada pihak awam berkaitan risiko dan bahaya melakukan pinjaman dengan pemberi pinjaman wang tidak berlesen atau ah Long.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my